

## SIRAP TERBRON

Terbutaline Sulphate 1.5 mg/mL

### Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan SIRAP TERBRON
2. Sebelum mengambil SIRAP TERBRON
3. Cara menggunakan SIRAP TERBRON
4. Kesan-kesan sampingan
5. Cara penyimpanan dan pelupusan SIRAP TERBRON

### Apakah kegunaan SIRAP TERBRON

#### TERBRON

Untuk kelegaan bronkospasme dalam asma bronkial dan bronkitis.

### Bagaimana SIRAP TERBRON berfungsi

Terbutaline ialah antagonis adrenoseptor  $\beta_2$  yang selektif, dengan demikian menghasilkan pengenduran otot licin bronkial.

### Sebelum mengambil SIRAP TERBRON

#### Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil SIRAP TERBRON if:  
- Anda alergik (hipersensitif) terhadap terbutaline sulphate atau mana-mana bahan kandungan SIRAP TERBRON yang lain dan amina simpatomimetik yang lain.  
- Anda mengalami tirotoksikosis.

### Sebelum mula mengambil

Semak dengan doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil SIRAP TERBRON jika:

- Anda mengandung dan anda mempunyai masalah dengan kehamilan anda.
- Anda diabetik. Jika demikian, anda memerlukan beberapa ujian gula darah tambahan apabila anda mula mengambil SIRAP TERBRON.
- Anda mempunyai sejarah penyakit jantung, rentak jantung yang tidak teratur atau angina.
- Anda mempunyai kelenjar tiroid yang terlalu aktif.

beta-blocker, inhibitor monoamine oxidase dan antidepresan tricyclic.

### Cara menggunakan SIRAP TERBRON

#### Berapa banyak harus diambil

Dewasa: 1 sudu besar.

#### Kanak-kanak:

Di bawah 3 tahun:  $\frac{1}{2}$  sudu teh.

3 - 7 years :  $\frac{1}{2}$  - 1 sudu teh.

7 - 15 years : 1-2 sudu teh.

#### Bila perlu diambil

Ambil SIRAP TERBRON 2-3 kali sehari seperti yang diarahkan oleh doktor.

#### Berapa lama perlu diambil

Sentiasa mengambil SIRAP TERBRON tepat seperti yang diberitahu doktor. Jika anda tidak pasti, semak dengan doktor atau ahli farmasi.

#### Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa mengambil suatu dos, ambilnya sebaik saja anda ingat. Namun, jika waktu itu hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga tiba masa dan ambil dos seterusnya seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggenapkan dos yang terlupa.

#### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dalam kes secara tidak sengaja terlebih dos, hubungi bahagian kecemasan hospital terdekat atau maklumkan doktor dengan segera.

### Semasa menggunakan SIRAP TERBRON

#### Perkara yang perlu dilakukan

Hubungi doktor serta-merta jika:

- Pernafasan anda menjadi lebih teruk.
- Anda kerap bangun pada waktu malam dengan asma.
- Anda mula berasa kesesakan dada.
- Anda tidak berasa kelegaan dengan dos semasa.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda mengandung, merancang untuk menjadi mengandung atau menyusu, maklumkan doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini.

### Kesan-kesan sampingan

Kadar denyutan jantung meningkat, perubahan dalam tekanan darah, berasa cemas, terketar-ketar, berdebar-debar, pening, sakit kepala, meloya, muntah, kebimbangan, kegelisahan, keletihan, mengantuk, kelemahan, curahan darah, berpeluh, ketidakselesaan dada, kekejangan otot dan tinitus.

### Cara penyimpanan dan pelupusan SIRAP TERBRON

#### Penyimpanan

Simpan pada suhu tidak melebihi 30°C, lindungi daripada cahaya dan kepanasan yang berlebihan.

#### Pelupusan

3 tahun selepas tarikh pengilangan..

### Maklumat lanjut

#### Rupa dan warna produk

Jernih, hampir tidak berwarna, larutan berperisa ceri.

#### Bahan-bahan kandungan

Sodium citrate dihydrate, Citric acid monohydrate, Sucrose, Purified water, Methylparaben, Propylparaben, Sorbitol solution 70%, Cherry cider essence dan Propylene glycol.

**NO MAL:** MAL19900433A

### Pengilang

BIOLAB CO., LTD.

625 Bangpoo Industrial Estate  
Samutprakarn, Thailand.

### Pemegang Autorisasi Pemasaran

MEDISPEC (M) SDN.BHD

### Tarikh kemas kini

***Jika mengambil ubat-ubat lain***

Sila maklumkan doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil atau baru-baru ini telah mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang diperoleh tanpa preskripsi.

Terutamanya: agen simptomimetik,

***Perkara yang tidak boleh******dilakukan***

Jangan berhenti mengambil ubat tanpa berbincang terlebih dahulu dengan doktor.

November 16, 2011